

Najib fail bantahan awal

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memfailkan bantahan awal terhadap tindakan Badan Peguam memfailkan semakan kehakiman untuk mencabar keputusan Lembaga Pengampunan mengurangkan hukuman dan denda beliau.

Bantahan tersebut difailkan melalui firma guaman, Tetuan Shafee & CO. pada 6 Ogos lalu di Mahkamah Tinggi di sini.

Menurut affidavit yang difailkan oleh peguam, Muhammad Farhan Muhammad Shafee bagi pihak Najib, keputusan Badan Peguam untuk memfailkan semakan tersebut adalah terbatal ekoran Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang membincangkan perkara tersebut tidak cukup kuorum.

Jelasnya, Badan Peguam melalui Majlis Peguam Malaysia telah mengeluarkan pekeliling untuk mengadakan AGM pada 16 Mac lalu antara lain, mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli untuk memfailkan semakan kehakiman terhadap keputusan Lembaga Pengampunan mengurangkan

tempoh pemenjaraan dan denda Najib.

Najib kini menjalani hukuman penjara enam tahun di Penjara Kajang kerana menyeleweng dana milik syarikat pelaburan negara, SRC International Sdn. Bhd. berjumlah RM42 juta. Beliau turut didenda RM50 juta.

Sebelum pengampunan diberikan pada 29 Januari lalu, Najib dihukum penjara 12 tahun dan denda RM210 juta.

Bagaimanapun, pada tarikh AGM tersebut, kehadiran ahli pada mesyuarat itu tidak memenuhi syarat minimum 500 orang sebagaimana diperuntukkan oleh Seksyen 64(4) Akta Profesion Undang-Undang (APUU) 1976.

“Saya benar-benar percaya bahawa pada akhirnya AGM bermula pada pukul 12.15 tengah hari dengan hanya 401 ahli yang hadir; kira-kira 1.6 peratus daripada jumlah ahli Majlis Peguam, adalah di bawah kuorum yang diperlukan.

“Saya benar-benar percaya bahawa pemohon (Badan Peguam) adalah terikat dengan keperluan nyata APUU. Dalam hal ini, cara pemohon dan Majlis Peguam mengendalikannya adalah melang-

gar peruntukan yang terkandung dalam Seksyen 64 APUU.

“Oleh itu, berdasarkan perkara di atas saya benar-benar percaya bahawa AGM Ke-78 Majlis Peguam Malaysia adalah terbatal dan tidak sah di sisi undang-undang yang menyebabkan keputusan untuk memfailkan saman ini ultra vires (bertentangan dengan undang-undang) dan sepatutnya dibatalkan,” kata Muhammad Farhan dalam affidavit bantahan itu.

Selain itu, bantahan oleh Najib menyatakan bahawa Badan Peguam tidak mempunyai locus standi (hak di sisi undang-undang) untuk memulakan semakan tersebut.

“Mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan undang-undang mahupun ekuiti dalam perkara yang berkaitan dengan pengampunan responden kedua (Najib). Pengampunan responden kedua adalah perkara persendirian yang tidak mempunyai apa-apa kesan undang-undang ke atas ahli-ahli Majlis Peguam Malaysia atau masyarakat majmuk secara am dan oleh itu cabaran pemohon juga harus dibatalkan,” kata Muhammad Farhan.